

**MESEJ DARIPADA**  
**SETIAUSAHA AGUNG LEE HSIEN LOONG**  
**PADA 1 JULAI 2020**

Saudara-saudari sekalian

1. Pilihan Raya kali ini adalah genting untuk masa depan Singapura.
2. Pemerintah baru yang anda pilih perlu menangani banyak tugas yang sangat berat dan penting. Tugas utama ialah meneruskan usaha membasmi wabak COVID-19 dan memastikan tidak ada penularan besar-besaran berlaku. Mereka juga perlu memulakan semula ekonomi kita, menyelamatkan pekerjaan dan perniagaan yang terjejas ekoran wabak. Dan mereka perlu mengubah dan menyesuaikan rancangan jangka panjang untuk Singapura supaya kita boleh terus membina negara yang lebih baik.
3. Buat julung-julung kalinya, peranan Pemerintah untuk melindungi kehidupan dan mata pencarian rakyat Singapura kini menjadi begitu genting.
4. Kehidupan kita, pekerjaan kita dan masa depan kita sedang dipertaruhkan.
5. Untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, kita memerlukan dua perkara penting: Pertama, barisan pemimpin yang terbaik bagi Singapura. Kedua, penduduk yang bersatu padu, yang memberi sokongan penuh kepada para pemimpin pilihan mereka.

**Kehidupan Kita**

6. Kita telah bertarung dengan COVID-19 sejak awal tahun ini. Pertarungan ini cukup mencabar dan akan berterusan. Namun kita tersentuh dengan kisah-kisah yang menggembirakan tentang pesakit yang sudah sembuh. Misalnya,

seorang nenek berusia 102 tahun yang kini sudah pun pulih dan menikmati semula durian, buah kegemarannya.

7. Namun, pertarungan ini masih belum ada penghujungnya.

8. Sehingga kini, kita berjaya memastikan Singapura selamat, hasil usaha yang sangat besar dan berani. Pasukan Bertindak Berbilang Menteri memimpin usaha kita untuk melawan COVID-19, menggembeleng seluruh perkhidmatan awam dengan sokongan ramai sukarelawan dan aktivis. Rakyat Singapura juga telah memainkan peranan anda - mematuhi peraturan jarak selamat, mengurangkan kontak sosial, memakai pelitup apabila berada di luar rumah, mencuci tangan dan mengekalkan kebersihan diri yang baik. Kerjasama anda telah menyumbang kepada kejayaan kita.

9. Kita harus mengekalkan usaha kolektif ini mungkin bagi setahun atau lebih lama. Sedang kita membuka semula negara kita, ada kemungkinan jumlah kes akan melonjak naik. Kita sudahpun melihat ini berlaku di Korea Selatan, Jerman dan banyak negeri di Amerika Syarikat, yang pada mulanya berjaya mengekang COVID-19 dan kemudian membuka semula negara masing-masing.

10. Bagaimanakah caranya untuk menghalang perkara ini daripada berlaku di Singapura? Di pihak Pemerintah, kami sedang mengembangkan keupayaan dalam pengujian dan pengesanan kontak, untuk mengenal pasti, dan membasmi kes-kes baru dengan pantas. Pemerintah perlu terus memujuk rakyat kita untuk mematuhi peraturan jarak selamat. Ini satu-satunya cara kita memastikan jumlah kes kekal rendah. Kejayaan kita bergantung kepada Pemerintah dan rakyat yang berganding bahu dan saling mempercayai satu sama lain seperti apa yang telah kita lakukan sepanjang krisis ini. Jika kita cuai ataupun leka, dan tercetus penularan besar-besaran, kita terpaksa menutup

negara kita sekali lagi. Kesannya terhadap kehidupan dan mata pencarian kita, tidak dapat dibayangkan.

### **Pekerjaan Kita**

11. Satu tanggungjawab yang sama penting bagi Pemerintah sekarang ialah untuk memulakan semula ekonomi kita. Kita kini berada dalam kemelesetan global, yang paling dahsyat sejak kemelesetan terbesar sedunia atau *the Great Depression*. Kita mampu mengelakkan kehilangan pekerjaan serta penutupan syarikat secara besar-besaran kerana kami telah mengambil langkah-langkah yang tegas.

12. Tetapi kesan paling buruk kemelesetan belum lagi dirasakan lebih-lebih lagi kerana virus ini telah muncul semula di negara lain. Dalam beberapa bulan mendatang, kita harus bersedia bagi pembuangan pekerja dan sesetengah pekerjaan ini mungkin tidak akan kembali lagi.

13. Oleh itu, fokus pemerintah dalam beberapa bulan dan tahun mendatang tentunya pekerjaan. Kami sedang berusaha sedaya upaya untuk menggalak syarikat-syarikat supaya kekalkan pekerja mereka dan mengambil pekerja baru. Kami mahu mencipta 100,000 peluang pekerjaan baru. Kami juga membuat pelaburan besar dalam SkillsFuture supaya rakyat Singapura boleh mendapatkan kemahiran baru dan pekerjaan yang lebih baik.

14. Dalam jangka masa panjang, satu-satunya cara untuk mewujudkan pekerjaan baru ialah dengan mendapatkan pelaburan dan mengembangkan ekonomi kita. EDB sedang bekerja keras untuk menarik pelaburan ke Singapura. Mereka berjaya memperoleh \$13 bilion dalam pelaburan baru bagi tiga bulan pertama tahun ini. Ini suatu jumlah yang luar biasa.

15. Apa rahsia kejayaan EDB sedangkan kita kini berada di tengah-tengah pandemik dan kemelesetan? Faktor penentu tidak lain daripada nama baik Singapura dan keyakinan para pelabur yang tinggi terhadap kita. Mereka tahu tentang mutu Pemerintah kita: mereka pernah bertemu dengan para menteri kita dan bekerjasama dengan Perkhidmatan Awam kita. Mereka juga tahu tentang sokongan kuat rakyat yang dinikmati Pemerintah, dasar-dasar kami untuk mengembangkan ekonomi dan untuk menarik bakat dan pelaburan demi mencipta pekerjaan. Inilah kunci kejayaan ekonomi kita dan menjadi sebab mengapa syarikat-syarikat terus mempercayai kita.

16. Dalam sesuatu krisis, penting sekali untuk kita memperteguhkan asas kita – untuk memperkukuhkan pasukan kepimpinan kita, perpaduan dan kesatuan kita supaya kita dapat terus mengharumkan nama baik Singapura dan menarik lebih banyak pelaburan dan pekerjaan.

### **Masa Depan Kita**

17. Dalam kita menguruskan keutamaan segera untuk membasmi COVID-19, dan mewujudkan lebih banyak pekerjaan, kita tidak harus lupa tentang misi jangka panjang kita untuk memperbaiki Singapura. Dunia selepas COVID-19 akan menjadi sangat berbeza. Kita mesti cekal dan dapat menyesuaikan diri untuk terus menghasilkan mata pencarian kita.

18. Tetapi kita tidak boleh hanya bertindak balas pada perubahan dunia. Kita mesti tahu ke mana hala tuju kita, dan bagaimana untuk sampai ke destinasi itu. Apa yang kita mahukan untuk Singapura? Bagaimana visi ini boleh dicapai sungguhpun banyak perubahan yang berlaku di sekeliling kita? Biarpun kita harus melayari ribut taufan yang melanda, kita tidak boleh membiarkan diri kita hanyut dipukul badai dan terumbang ambing tanpa arah. Dengan ribut

yang melanda, kita mungkin terpaksa mengubah haluan kita untuk sementara. Tetapi destinasi jangka panjang kita tidak harus berubah.

19. PAP ada banyak rancangan jangka panjang untuk Singapura. Ini termasuk pra sekolah yang lebih banyak dan lebih bermutu. Penjagaan kesihatan untuk warga tua yang dimampui. Mentransformasikan Singapura dengan bandar HDB, taman dan laluan MRT yang serba baru. Projek raksasa seperti Pelabuhan Mega Tuas dan Terminal 5 Lapangan Terbang Changi. Pelan pembangunan bagi Greater Southern Waterfront dan Daerah Tasik Jurong. Dan kami juga sedang bersiap sedia bagi perubahan iklim – satu cabaran bagi 100 tahun akan datang atau lebih lama.

20. Semua ini adalah rancangan yang berani. Dengan krisis ini, kami perlu menyemak semula beberapa daripadanya. Tetapi idea asas kami ini masih berdaya maju, dan kami bertekad untuk memastikan ia terlaksana dan menjadi kenyataan. Demi memastikan Singapura terus bersinar, kami berazam untuk sentiasa menjadi luar biasa, dan membezakan diri kita dalam dunia yang terus berubah-ubah.

### **Kepimpinan**

21. Kepimpinan Pemerintah yang berkebolehan penting dalam usaha kita untuk menjaga kediaman kita, memperbaikinya dan mewariskan Singapura yang lebih baik kepada anak-cucu kita. Namun, biar betapa baik sesuatu kepimpinan, rancangannya hanya boleh berjaya jika ia memiliki sokongan padu daripada rakyat Singapura.

22. Pasukan kepimpinan yang akan anda pilih dalam Pilihan Raya ini bukan saja akan membawa Singapura keluar dengan selamat daripada ancaman

COVID-19 dan keperitan ekonomi. Ia juga pasukan yang akan memimpin anda menjangkau krisis ini, ke masa hadapan yang lebih baik.

23. Pasukan PAP mahu bekerjasama dengan anda untuk membina Singapura yang lebih baik lagi. Kami telah bekerja keras menghimpunkan pasukan terbaik yang sedia berkhidmat untuk anda, diterajui para menteri dan anggota Parlimen yang telah memimpin Singapura mengatasi pelbagai krisis pada masa lalu. Mereka tahu apa yang boleh dijangkakan, apa yang harus dilakukan dan bahaya yang perlu dielakkan.

24. Kami juga telah memperkukuhkan pasukan kami dengan muka-muka baru rakyat Singapura yang berpotensi. Mereka datang daripada pelbagai lapisan masyarakat. Calon-calon ini, jujur, cekap dan boleh dipercayai. Mereka telah melalui jatuh bangun kehidupan, membuat kesilapan dan belajar daripada kesilapan lalu. Mereka adalah cerminan masyarakat kita yang sedang berubah dan memiliki perspektif, minat dan semangat mereka yang tersendiri. Tetapi kesemua mereka berkongsi nilai-nilai dan azam untuk melakukan yang terbaik bagi kepentingan Singapura dan rakyat Singapura, seperti yang telah dilakukan oleh para pemimpin PAP sebelum mereka.

25. Tanggungjawab saya sebagai Perdana Menteri bukan hanya untuk menjaga Singapura selama tempoh perkhidmatan saya sendiri. Saya juga perlu mempersiapkan barisan pemimpin lebih muda yang sanggup, bersedia dan mampu untuk mengambil alih pucuk pimpinan daripada saya dan rakan-rakan saya. Inilah yang telah saya lakukan. Saya menempatkan menteri-menteri muda untuk menerajui Pasukan Bertindak Berbilang Menteri dalam menangani COVID-19. Ini bukan satu latihan. Bahkan ia adalah operasi sebenar yang sangat serius, menangani krisis dalam krisis global yang belum pernah terjadi sebelum ini. Saya berbesar hati sepanjang 6 bulan lalu, menteri-menteri muda telah

membuktikan bahawa mereka berupaya. Inilah yang saya maksudkan dengan memegang tampuk kepimpinan sebagai pemimpin dan pelindung Singapura dan masa depan kita.

## **Kesimpulan**

26. Saudara saudari sekalian, selama 60 tahun, PAP telah berkhidmat kepada rakyat Singapura dengan penuh taat setia. Kami menerajui perjuangan Generasi Perintis untuk pemerintahan sendiri dan kemerdekaan. Kami bekerjasama dengan Generasi Merdeka untuk membawa negara kita daripada Dunia Ketiga ke Dunia Pertama. Singapura telah berjaya mengatasi pelbagai rintangan sejauh ini, kerana generasi demi generasi rakyat Singapura memberi kepercayaan kepada PAP dan berhempas pulas bersama-sama kami untuk membina negara ini. Dan PAP tidak pernah mengecewakan anda. Sokongan anda adalah tunggak kekuatan kami.

27. Kini, kita mesti menghadapi krisis segenerasi ini bersama, dan mengukir tempat kita dalam dunia yang baru. Saya meminta anda untuk sekali lagi memberi saya dan pasukan saya mandat yang jelas. Undilah PAP supaya kami dapat bekerjasama dengan anda untuk menjamin kehidupan kita, pekerjaan kita dan masa depan kita.

28. Terima kasih.